

Anwar jamin perkukuh kuasa SPRM, agensi penguat kuasa

Kerajaan teliti kaedah insentif kepada pemberi maklumat bagi bantu selesai kes berprofil tinggi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan untuk memperkukuh kuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) serta agensi penguat kuasa lain dalam meneliti kaedah terbaik, termasuk pemberian insentif kepada pemberi maklumat di luar negara membantu menyelesaikan kes berprofil tinggi.

Perdana Menteri berkata, isu

pemberian insentif kepada individu yang berada di luar negara perlu dirujuk kepada peraturan sedia ada, namun menegaskan kerajaan tidak menghalang sebarang langkah yang boleh mempercepat proses siasatan.

“Soal insentif luar negara ini, saya kena rujuk peraturan. Tetapi tentunya apa saja yang mungkin, kita beri wewenang kepada badan penguatkuasaan, termasuk SPRM untuk mencari kaedah di jalan terbaik menetapkan orang yang terbabit, tertuduh atau boleh membantu dan memberikan kerjasama sepenuhnya,” katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka), sama ada insentif kepada pemberi maklumat turut diberikan kepada mereka yang berada di luar negara.

Anwar berkata, meskipun terdapat cabaran apabila individu

terbabit melarikan diri ke luar negara, proses siasatan tetap berjalan secara berterusan dan tidak dihentikan hanya kerana kesukaran mendapatkan saksi atau keterangan.

“Dalam kes yang disebut, tentulah itu sukar bila yang dituduh ataupun yang terkait itu lari keluar. Tapi proses itu terus dijalankan dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau berkata, kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SPRM akan terus diperkukuh bagi memastikan semua maklumat sama ada daripada dalam atau luar negara dapat dimanfaatkan untuk membawa pihak terbabit ke muka pengadilan.

Siasatan video belum tutup

Dalam isu lain Anwar menegaskan, siasatan berhubung video kes rasuah yang dikaitkan dengan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah belum ditutup, sambil menolak

dakwaan kerajaan melindungi pihak tertentu dalam kes itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sendiri menonton video berkenaan dan menganggap ada asas kukuh untuk disiasat, namun menegaskan perkara itu berada sepenuhnya dalam bidang kuasa SPRM.

“Menurut pemberitahuan SPRM, (kes itu) sudah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Setakat ini, (untuk) kes jenayah, tak ada *time limitation* (had masa). Jadi, kena sabar.

“Setakat ini tiga individu sudah didakwa tetapi kita tidak lepaskan semua yang lain. Mengapa ada dakwa tiga? Kerana (mereka) ada *compelling case* (kes meyakinkan) tetapi yang lain kes mereka tidak pernah dipadam atau ditutup.

“Saya tidak mahu mengarahkan. Mesti dakwa berdasarkan video. Saya tak boleh. Ini yang kadang-kadang diputar balik kenyataan saya. Bagi saya, saya lihat video itu dan ia harus di-

siasat,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Ahmad Fadhli bin Shaari (PN-Pasir Mas) yang mempertikai sebab ADUN Sabah yang dikaitkan dalam video tular sebelum ini belum dikenakan tindakan, sebaliknya ada di antara mereka kini menjadi calon Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Sebelum ini, ahli perniagaan Albert Tei, mengeluarkan beberapa video yang memaparkan beberapa ADUN Sabah didakwa menerima rasuah untuk memudahkan usaha Tei mendapatkan lesen penerokaan mineral.

Tei turut mengemuka lebih daripada 300 muka surat bukti kepada SPRM, termasuk jejak wang, rekod bank, dokumen dan surat-menyurat bertulis sebagai bukti untuk menyokong dakwaan dalam video itu.

Daripada 14 ahli politik Sabah yang terbabit dalam video Tei, hanya dua yang sudah didakwa dengan rasuah.